

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI

Koleksi Terbitan Bersiri adalah terbitan berkala secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Sumber maklumat koleksi terbitan bersiri terdiri daripada bahan-bahan bercetak, bukan bercetak, elektronik dan dalam talian.

Kategori bahan dalam koleksi ini ialah majalah, surat khabar, laporan tahunan, buku tahunan, buku panduan, jurnal, indeks, abstrak, statistik, warta kerajaan dan akta.

Koleksi Terbitan Bersiri PNM diperolehi daripada penyerahan bahan melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), sumbangan dan pembelian.

Pembahagian koleksi terbitan bersiri di PNM adalah seperti berikut:

- Majalah, Jurnal dan akhbar Malaysiana
- Majalah dan Jurnal Luar Negara
- Warta, Akta dan Laporan Tahunan Malaysiana

PENEMPATAN KOLEKSI TERBITAN BERSIRI

KOLEKSI	LOKASI	KOD LOKASI
Majalah, Jurnal & Akhbar Malaysiana	Aras 6, Menara PNM	MS, MS f, MS ff
Majalah & Jurnal Luar Negara	Aras 8, Menara PNM (Penempatan Sementara)	S, SR
Warta, Akta & Laporan Tahunan Malaysiana	Aras 9, Menara PNM	MS, MS f, MS ff, MSR

Penyusunan Koleksi Terbitan Bersiri PNM

Koleksi Terbitan Bersiri PNM disusun mengikut skim pengkelasan Dewey Decimal (DDC) iaitu:



The infographic features a vertical purple bar on the left with the text 'SISTEM PENKELASAN TERBITAN BERSIRI' and 'Dewey Decimal Classification'. To the right, a list of Dewey Decimal ranges is paired with subject categories. Several book covers are overlaid on the list, including 'Dewan Dajjar', 'SMK', 'MENGUBAH TABIR', and 'MASYARAKAT'. A purple box at the bottom contains a summary statement.

000 - 099	Karya Am
100 - 199	Falsafah & Psikologi
200 - 299	Agama
300 - 399	Sains Sosial
400 - 499	Bahasa
500 - 599	Sains & Matematik
600 - 699	Teknologi
700 - 799	Kesenian
800 - 899	Kesusasteraan
900 - 999	Geografi & Sejarah

Koleksi Terbitan Bersiri PNM
disusun mengikut skim pengkelasan
Dewey Decimal Classification (DDC)
seperti jadual di atas.

Pencarian Bahan Dalam Koleksi PNM

Pengguna boleh membuat carian bahan melalui Katalog Dalam Talian PNM (OPAC) di pautan [<https://opac.pnm.gov.my/>] bagi mendapatkan nombor panggilan bahan yang dikehendaki. Nombor panggilan setiap bahan mempunyai kod lokasi yang menempatkan setiap bahan di rak.

Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana

Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana terdiri daripada majalah, buletin, jurnal, laporan tahunan, indeks, dan terbitan kerajaan. Koleksi yang disediakan merangkumi pelbagai bidang perkara. Statistik penerimaan koleksi terbitan bersiri sehingga Disember 2020 adalah 553,880 naskah.

Majalah/Jurnal Luar Negara

Terdapat **36** judul majalah dan jurnal terbitan luar Negara bercetak yang dilanggan untuk bacaan pengguna di Perpustakaan Negara Malaysia. Majalah dan jurnal yang disediakan ini merangkumi pelbagai bidang perkara.

Pengguna juga boleh merujuk majalah mengikut bidang perkara secara dalam talian dengan menggunakan *PressReader* di Portal U-Pustaka. Terdapat **4,028** judul majalah disediakan untuk bacaan pengguna.

SURAT KHABAR HARIAN MALAYSIANA

Koleksi surat khabar harian yang disediakan di Perkhidmatan Terbitan Bersiri Malaysiana terdiri daripada surat khabar tahun 2010 sehingga tahun terkini. Judul surat khabar yang tersedia adalah seperti berikut:

KOLEKSI SURAT KHABAR MALAYSIANA

JUDUL	TAHUN
Berita Harian/Mingguan	2010 - Terkini
Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia	2010 - Terkini
Kosmo/Kosmo Ahad	2010 - Terkini
Harian Metro/Metro Ahad	2010 - Terkini
Sinar Harian	2010 - Terkini
Malay Mail	2010 - Terkini
The Star	2010 - Terkini
New Straits Times/New Sunday Times	2010 - Terkini
The Malaysian Reserve	2010 - Terkini
The Sun	2010 - Terkini
China Press	2010 - Terkini
Sin Chew Daily	2010 - Terkini
Nanyang Siang Pau	2010 - Terkini
Makkal Osai	2010 - Terkini
Malaysian Nanban	2010 - Terkini
The Edge Malaysia	2010 - Terkini

Penempatan Surat Khabar Malaysiana

Surat khabar Malaysiana disimpan di dua lokasi iaitu:

- Koleksi tahun 2020 dan 2021 (dua tahun terkini)
Bilik Simpanan Surat Khabar, Aras 6 Menara PNM
- Koleksi 2010 – 2019
Bilik Simpanan Koleksi Perpustakaan, Aras 6, Menara PNM

Pencarian Surat Khabar Malaysiana

Pengguna Perpustakaan Negara Malaysia yang ingin merujuk surat khabar perlu mengisi **Borang Permohonan Surat Khabar** seperti berikut:

PNM Ph (S) PMS/naam0295

PERMOHONAN SURAT KHABAR

Name: _____ Tarikh: _____
Alamat: _____ No. Akaun: _____
No. Tel: _____

Bil.	Judul Surat Khabar	Tarikh H-SS-TTTT	Halah
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

PERMOHONAN
Tandatangan Pemohon
PEMULANGAN
Tandatangan Pemohon

Kepuasan Pembaca
Tarikh Pojangan
Tarikh Pertualangan
Nama Petugas
T. T. Petugas

Petunjuk dan peraturan permohonan
1. Pemohon perlu mengisi borang permohonan dan menyerahkan kad pembaca.
2. Maksimum satu (1) kotak surat khabar akan diberikan bagi setiap permohonan.
3. Surat khabar hendaklah dikembalikan ke kaunter dan dapatkan semula kad kesahlin.
4. Denda akan dikenakan kepada pembaca yang mengoyak, memotong atau merosakkan surat khabar.
5. Rajuan adalah untuk kegunaan penyelesaian persendirian sahaja.
6. Pemohon adalah terikat kepada peraturan-peraturan Akta Hak Cipta (Pindaan) 1999.

Borang Permohonan Surat Khabar ini boleh didapati dan perlu diisi oleh pengguna yang ingin merujuk surat khabar. Petugas akan melakukan pencarian berdasarkan maklumat borang yang telah diisi oleh pengguna.

Pencarian Koleksi Surat Khabar Digital

Pengguna Perpustakaan Negara Malaysia juga digalakkan untuk merujuk surat khabar digital secara dalam talian di **Portal U-Pustaka** [<https://www.u-library.gov.my/>].

Pangkalan data yang menyediakan perkhidmatan surat khabar digital adalah

- Press Reader

<https://www-pressreader-com.eresources.u-library.gov.my:2443/catalog/newspapers>

- Ookbee <https://corporate.ookbee.com/pnm>

Surat Khabar Luar Negara

Pengguna juga boleh mendapatkan lebih banyak maklumat semasa dengan membaca surat khabar seluruh dunia dengan melayari *Press Reader* yang terdapat dalam Portal U-Pustaka di <https://www-pressreader-com.eresources.u-library.gov.my:2443/catalog/newspapers>. Terdapat **2,418** judul surat khabar yang boleh dibaca di *PressReader*. Antara judul surat khabar tersebut ialah *The Australian*, *The Nation*, *The Washington Times*, *Washington Post*, *The Independent*, *The New York Review*, *The Financial Times*, *Kompas*, *The Jakarta Post*, *The Daily Telegraph*, *Chicago Tribune*, *The Herald*, dan *Calgary Herald*.